

Kewajipan Politik: Sejarah, Ciri-ciri dan Teori-teorinya *Political Obligation: Its History, Characteristics and Theories*

RUSSLI KAMARUDIN

*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor, Malaysia*
Corresponding author: russli@ukm.edu.my

Received: 15 July 2025 Accepted: 03 November 2025

Abstrak

Dalam kehidupan bernegara, wujud hubungan antara pemerintah dengan rakyat. Perhubungannya pula adalah berbentuk perintah dan ketaatan, perintah dari pihak atas yang disebut pemimpin dan ketaatan pula dari pihak bawah yang disebut rakyat atau warganegara. Ia dikenali juga sebagai kewajipan politik. Namun begitu, tidak semua kita mengetahui dengan mendalam apakah sebenarnya kewajipan politik tersebut. Bilakah muncul frasa kewajipan politik tersebut? Apakah dia ciri-ciri kewajipan politik itu dan bagaimanakah ia berbeza dengan kewajipan sivil? Seterusnya, apakah pula teori-teori yang mewajarkan atau yang menyokong kepada perlunya kewajipan tersebut? Ini akan dilihat dari sudut pandangan Barat dan Islam. Jadi, tujuan artikel ini ialah mengkaji latar belakang kewujudan istilah kewajipan politik, meneliti ciri-ciri kewajipan politik dan perbezaannya dengan kewajipan sivil dan mengenal pasti teori-teori kewajipan politik menurut sarjana Barat dan Islam. Dalam kajian ini, ia mendedahkan bahawa subjek kewajipan politik telah lama dibincangkan iaitu seawal zaman Socrates sendiri malah lebih awal lagi dari itu, seperti yang diperbincangkan oleh Sophocles dalam pementasan dramanya. Terdapat beberapa teori yang dibincangkan sarjana terhadap kewajipan politik ini. Dalam pandangan Barat wujudnya teori undang-undang semula jadi, teori tradisi, teori persetujuan, teori utilitarian dan akhir sekali teori keadilan. Dalam politik Islam pula teorinya pula ialah teori perundangan khilafah, teori penguatkuasaan syariah dan keadilan dan akhir sekali ialah teori Asabiah. Masing-masing pemerintah dan rakyat dituntut menunaikan tanggung jawab mereka masing-masing.

Kata kunci: Kewajipan Politik; Kewajipan Sivil; Ciri Kewajipan Politik; Teori Kewajipan Politik; Pemerintahan

Abstract

In a state life, there is a relationship between the ruler and the ruled. The relationship is in the form of order and obedience. Order is from the rulers or the leaders, and obedience is from the ruled or in the modern life is from the citizens. This is called a political obligation. However, not all of us know in depth what political obligation is all about. For instance, when did the phrase political obligation come into use? What are the characteristics of political obligation and how they differ from civil obligation? Other than that, what are the theories that justify or buttress the need for that obligation? This justification is looked from the western and Islamic views. Hence, this article studies the background of the emergence of the concept of political obligation, analyze the characteristics of political obligation and its difference from civil obligation and to recognize the

theories of political obligation from the western and Islamic views. This study reveals that the subject of political obligation had long been discussed back to the time of Socrates or even earlier than that as in the discussion of Sophocles in his play. In the western perspective there are natural law theory, traditional theory, consent theory, utilitarian theory and justice theory. In Islamic politics, there are juridical theory of caliphate, implementation of syariah and justice theory and 'asabiyah theory. Both the ruler and the ruled are obligated to perform their obligation respectively.

Keywords: Political Obligation; Civil Obligation; Characteristics of Political Obligation; Theory of Political Obligation; Governance

Pengenalan

Kewajipan politik adalah penting dalam perbincangan falsafah politik. Ia telah menjadi titik fokus dalam perbincangan bukan sahaja ahli falsafah Yunani kuno tetapi juga ahli falsafah zaman pertengahan, ahli falsafah kebangkitan Eropah dan juga pemikir moden. Kewajipan politik amat diperlukan oleh semua negara yang menuntut ketaatan dan kesetiaan rakyatnya, kerana ia menyumbang kestabilan dan keamanan negara. Selain daripada ahli falsafah Yunani, yang banyak menyumbang dalam falsafah politik yang dibarisi oleh Sophocles (497/6 – 406/5 SM), Socrates (469 – 399 SM), Plato (424/3 – 348/7 SM), dan Aristotle (384 – 322 SM), ahli falsafah zaman pertengahan juga memberi sumbangan dalam disiplin ini. Antaranya ialah Thomas Aquinas (1225 – 1274 M), Marsilius dari Padua (1275 – 1342 M), William dari Ockham (1288 – 1348 M), dan Niccolo Machiavelli (1469 – 1527 M). Sementara ahli falsafah Kebangkitan Eropah pula antaranya ialah Thomas Hobbes (1588 – 1679 M), Spinoza (1632 – 1677 M), John Locke (1632 – 1704 M) dan Montesquieu (1689 – 1755 M). Ahli falsafah dunia Islam pula mereka dibarisi oleh al-Farabi (872 – 950 M), al-Mawardi (972 – 1058), al-Juwayni (1028 – 1085 M), Nizam al-Mulk (1018 – 1092 M) dan al-Ghazali (1058 – 1111 M). Semua ahli yang berlainan negara dan zaman ini ada sumbangannya dalam subjek ketaatan dan hak antara pemerintah dan rakyat.

Dalam membicarakan subjek penting ini, perkara yang paling asas ialah mengetahui definisi frasa kewajipan politik tersebut. Selepas jelas dengan definisinya, perbincangan seterusnya ialah tentang sejarah atau latar belakang kewajipan itu, iaitu siapakah orang yang pertama mengungkapkan kata-kata tersebut. Perbincangan selanjutnya ialah apakah ciri-ciri kewajipan politik dan akhir sekali teori-teori kewajipan politik yang diutarakan oleh sarjana Barat dan Islam.

Definisi kewajipan Politik

Menurut analisa Oakeshott tentang istilah kewajipan politik ini, iaitu apa yang dia fahami dari Thomas Hobbes (1588-1679), ia adalah campuran atau sebatian dari beberapa kewajipan yang berbeza. *It is a mixed obligation, consisting of physical, rational and moral obligation, combined to serve one end, but never assimilate to one another.*¹ Oakeshott menunjukkan bahawa masyarakat sivil, menurut Hobbes, adalah suatu autoriti dan kuasa yang kompleks dimana setiap unsur mencipta kewajipan masing-masing yang sesuai. Ia ada kewajipan moral untuk mentaati kehendak kerajaan yang berkuasa. Ia juga melibatkan kewajipan fizikal – yang terhasil dari kuasa paksaan. Selain itu, ia turut melibatkan kewajipan rasional dalaman – kepentingan diri yang timbul hasil dari ketakutan kepada hukuman dan keinginan kepada kedamaian. *Each of these obligations provides a separate motive for observing the order of the commonwealth, and each is necessary for the preservation of that order.*²

Sementara Paul Harris pula dalam mendefinisikan kewajipan politik, dia mengatakan ia merupakan suatu bentuk yang khusus untuk kewajipan umum terhadap tanggungjawab sosial. Dari pihak kerajaan ia merupakan kewajipan untuk bertindak sebagai penjaga kepentingan awam, manakala bagi pihak rakyat (yang ditadbir) pula adalah suatu kewajipan untuk menerima kuasa kerajaan sebagai penjaga kepentingan awam serta mematuhi segala perintah dan arahnya.³ Mengikut apa yang difahami oleh Paul Harris ini, kewajipan politik tersebut melibatkan urusan awam, serta ia bersifat timbal balik, iaitu kewajipan pihak pemerintah dan kewajipan pihak rakyat. Dalam erti kata lain, kewajipan ini bersifat timbal balik.

Dalam penerangannya, Paul mengatakan bahawa kewajipan politik itu adalah merupakan hasil daripada suatu proses politik yang mantap. Maksudnya ia bukanlah hasil dari sesuatu yang berlaku dengan secara tiba-tiba dan tanpa dirancang. Ini adalah kerana ia melibatkan dua pihak (pemerintah dan rakyat) dan di dalam pengetahuan mereka. Selain itu, Paul juga mengatakan bahawa kewajipan politik itu adalah sama seperti kewajipan undang-undang. Ini kerana kedua-duanya mengangkat persoalan yang sama iaitu tentang kewajipan (*duty*) warganegara untuk mematuhi kerajaannya.⁴ Jadi, kedua-dua kewajipan ini tiada bezanya menurut Paul.

Seorang lagi sarjana dan dia sependapat dengan Paul ialah Steven M. Delue. Bagi Steven kewajipan politik itu bermaksud menghormati pihak berkuasa undang-undang negeri untuk membuat dan melaksanakan sebarang undang-undang dan polisi. Tetapi bilamana warga tidak lagi berasa berkewajipan terhadap sesuatu negara, mereka tidak akan menghormati pihak berkuasa undang-undangnya, tidak akan berpuas hati dengan keputusan-keputusannya dan berasa tidak perlu untuk mentaati undang-undang tersebut.

Latar belakang kemunculan istilah Kewajipan Politik

Frasa kewajipan politik, seperti yang dinyatakan oleh D'Entreve tidaklah selama mana seperti mana yang dinyatakan oleh T. H. Green di dalam kuliahnya *Lectures on the Principles of Political Obligation* yang disampaikan di Universiti Oxford dalam tahun-tahun 1879 hingga 1880.⁵ Jadi, bolehlah kita katakan bahawa frasa kewajipan politik tidak disebut atau dikenali sebelum itu, walaupun konsep itu sudahpun dibincangkan berabad lamanya sebelum itu. Fakta ini diakui sendiri oleh Green bahawa tiada apapun yang baru tentang subjek yang dibincangkannya dalam kuliah tersebut iaitu untuk mencari asas atau justifikasi sebenar terhadap ketaatan kepada undang-undang.⁶

Dikatakan bahawa individu pertama yang telah membincangkan subjek kewajipan politik ialah Sophocles, dan ini dilakukannya dalam lakonan pentasnya yang berjudul *Antigone*,⁷ yang pertama kali dipentaskan sekitar tahun 440 BCE. Sementara Plato dalam *Crito*, yang menceritakan jawapan falsafah Socrates dalam subjek ini, iaitu tentang asas sebenar atau justifikasi untuk ketaatan kepada undang-undang, dalam menghadapi kematiannya sendiri empat puluh tahun kemudiannya. Dari cerita ini, apa yang pasti Sophocles dan Plato adalah merupakan individu-individu yang bertanggung jawab dalam mengangkat isu justifikasi ketaatan kepada undang-undang.

Di antara dua naratif ini, iaitu *Antigone* Sophocles dan *Crito* Plato wujud perbezaannya. *Antigone* hanyalah sebuah drama yang terilham secara andaian oleh Sophocles, manakala *Crito* adalah sebuah cerita benar yang dijelaskan oleh Plato terhadap apa yang telah berlaku ke atas gurunya Socrates. Walaupun latar belakang kedua-dua naratif ini berbeza, tetapi objektifnya adalah sama, iaitu untuk menjustifikasikan ketaatan rakyat kepada undang-undang secara umumnya dan kepada pemerintah atau kerajaan secara khususnya. Dalam kes *Crito*, ia nampak lebih hidup atau dinamik kerana ia adalah sebuah cerita benar yang dialami oleh ahli falsafah (Socrates) itu sendiri dan bukan pemikirannya semata-mata.

Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas tentang cerita *Antigone*, mari kita perhatikan apa yang sebenarnya telah berlaku terhadap wanita ini. Semuanya bermula selepas kematian kedua-dua abangnya iaitu Eteocles dan Polynieces. Bila Creon, raja yang baru yang juga bapa saudaranya memerintahkan mayat Polynieces tidak dikebumikan dan dibiarkan mereput, ini menimbulkan kemarahan Antigone dan membuatnya tidak berpuas hati dengan perintah tersebut. Dia berpendapat apa sahaja yang berlaku dia mesti memberikan keutamaan kepada keluarga dulu sebelum kepada negara atau Kerajaan. Padanya meratapi atau bersedih dan mengkebumikan mayat itu adalah suatu kewajipan kepada orang yang hidup terhadap orang yang telah mati.⁸ Tindakan Antigone itu adalah bertentangan dengan undang-undang negeri dan titah raja, lebih-lebih lagi dia seorang perempuan dan tidak dijangka untuk bercakap secara terbuka dan di khalayak ramai.

Sedihnya Antigone adalah bersendirian dalam pendiriannya ini dan tidak mendapat dukungan dari saudara perempuannya, Ismene yang berpihak kepada majoriti.⁹ Polisi negeri pada masa ini ialah sesiapa sahaja yang didapati bersalah, mayatnya akan dibiarkan tanpa diuruskan atau dihormati, dan jenayah Polyneices adalah jelas iaitu berlawan dengan Argives menentang negerinya, Thebes. Maka, sesiapa sahaja yang cuba untuk mengkebumikan seorang pengkhianat akan dianggap juga sebagai pengkhianat. Antigone di sini menurut undang-undang negeri adalah seorang pengkhianat kepada negerinya, walau bagaimanapun ini tidak membantutkan niatnya.

Antigone tegas dalam pendiriannya bahawa apa yang dibuatnya adalah sesuatu yang mulia dan dituntut oleh tuhanNya Zeus. Memuliakan mayat adalah sesuatu yang diwajibkan oleh agama, oleh itu dia tidak membuat sesuatu yang salah di sisi tuhanNya. Antigone berkeyakinan bahawa undang-undang tuhan adalah lebih tinggi daripada titah yang dikeluarkan oleh raja (manusia). Dia memilih untuk mati dengan cara itu dan telah bersedia untuk mati syahid. Situasi begini menyaksikan bahawa Antigone memiliki sikap dan moral yang sangat tegas dengan apa yang dia lakukan yang merupakan suatu tingkah laku yang luar biasa untuk seorang perempuan dizamannya.

Untuk kes Socrates pula, ia berlaku pada tahun 399 BC, bila juri Athens mendapati bahawa dia bersalah (Socrates) kerana berdosa dan merosakkan moral para belia – kerana itu para juri menghukumnya mati. Menurut naratif Plato, sahabat-sahabat Socrates telah bersepakat untuk melepaskannya melarikan diri, tetapi Socrates sebaliknya memilih untuk kekal dalam tahanan dan memilih meminum hemlock (racun yang membunuhnya) dan dia berhujah bahawa menentang hukuman terhadapnya adalah melanggar “persetujuan dan komitmennya” dan menganiaya kawan-kawannya, negaranya dan juga undang-undang Athens.¹⁰

Meskipun hujahan-hujahan Socrates secara pendek sahaja, dan Crito rakan bicaranya tidak banyak mencabarnya, ia walau bagaimanapun menjurus kepada teori-teori kewajipan politik, yang muncul dalam dua setengah alaf semenjak kematiannya.¹¹ Pelajaran yang boleh dipelajari dari naratif ini ialah, pertama, dia tidak mahu melanggar perjanjian dan komitmennya, bermaksud dia adalah seorang warga Athens yang sebenar dan patriotik dan kedua, dia tidak mahu menganiaya kawan-kawannya, negaranya dan juga undang-undang Athens. Ini menyampaikan suatu mesej bahawa Socrates adalah seorang warga yang bertanggung jawab. Dia tidak mahu menyelamatkan dirinya tapi bersedia untuk dijatuhkan hukuman; ia adalah suatu contoh yang baik dari seorang warga yang baik. Secara tidak langsung ia mengajar rakan sewarganya bagaimana hendak bertindak sebagai seorang warganegara.

Menurut Dagger, hujahan-hujahan Socrates terdiri dalam empat kategori. Pertama, Socrates berpendapat bahawa lamanya dia menetap di Athens menunjukkan bahawa dia telah masuk ke dalam suatu perjanjian dengan undang-undangnya, serta menjadikan dirinya taat kepada undang-undang tersebut; ini adalah suatu hujah yang membayangkan kontrak sosial atau teori persetujuan dalam kewajipan politik. Kedua, dia mengakui bahawa dia terhutang budi dari kelahirannya, asuhannya, dan pendidikannya, antara lain, kepada undang-undang Athens dan dia menggambarkan teori kesyukuran

terhadap kewajipan bila dia menyimpulkan bahawa adalah salah baginya untuk tidak mentaati undang-undangnya. Ketiga, dia mengajak kepada apa yang dikenali sekarang sebagai hujahan adil atau saksama bila dia mencadangkan bahawa ketidak taatan sebagai sejenis penganiayaan terhadap rakan-rakan sewarganya yang lain. Bila mana dia bertanya Crito “*if we leave here without the city’s permission, as we mistreating people whom we should least mistreat?*” Keempat, adalah kesan dari penaakulan utilitarian bila mana Socrates menggambarkan “undang-undang negeri,” menghadapinya dengan cabaran “adakah anda fikir ia boleh berlaku kepada sebuah bandar tidak akan musnah jika keputusan mahkamahanya tidak mempunyai kekuatan malah terbatal dan menjadi kosong oleh tindakan individu-individu perseorangan?”¹²

Dagger mengatakan tiada satupun hujahan di atas dibangunkan sepenuhnya, tapi kewujudannya dalam *Crito* sebagai bukti kekuatan intuisi dan konsep-konsep yang kekal – komitmen dan persetujuan, kesyukuran, kesaksamaan dan juga faedah – yang terus berfikir dalam perbincangan-perbincangan terhadap kewajipan dan ketaatan.¹³

Daripada dua naratif di atas, walaupun intinya adalah tentang ketaatan kepada undang-undang negeri, iaitu kewajipan warga kepada pemerintah namun sikap dan pendirian yang ditunjukkan oleh individu-individu tersebut adalah berbeza. Untuk kes Antigone dia mewakili individu yang menentang undang-undang negeri. Sementara dalam kes Socrates pula dia mewakili individu yang mentaati undang-undang negeri. Seorang menolak undang-undang dengan mengandaikan bahawa undang-undang tuhan lebih tinggi dari undang undang ciptaan manusia, yang seorang lagi berserah kepada undang-undang dengan andaian dia adalah wajib bertindak sedemikian, di mana kedua-duanya berakhir dengan kematian. Meskipun begitu, kedua-dua naratif ini membawa makna atau idea tentang kewajipan politik yang telah sedia wujud pada waktu itu.

Ciri-ciri Kewajipan Politik

Sebelum mendalami ciri-ciri falsafah politik, adalah penting kita mengetahui terlebih dahulu ciri-ciri sebuah kewajipan (*obligation*). A. John Simmon telah menggariskan empat ciri-ciri kewajipan. Pertamanya, ia adalah sebuah keperluan moral dihasilkan dari perlaksanaan beberapa tindakan sukarela (atau peninggalan perlaksanaannya). Perbuatan ini mungkin merupakan usaha yang disengajakan untuk suatu kewajipan tetapi ia tidak semestinya. Tidak seperti tugas (*duty*) kewajipan memerlukan perlaksanaan khusus; fakta ini tercermin dalam bahasa yang digunakan – “kita mewajibkan diri kita” (*we obligate ourselves*). Tapi kita sering mempunyai tugas dengan sukarela serta memiliki jawatan, kita biasanya akan berada dalam kedudukan mempunyai kewajipan untuk melaksanakan tugas-tugas jawatan tersebut.¹⁴

Kedua, suatu kewajipan dimiliki oleh orang tertentu (the obligor) ke atas orang-orang tertentu (the oblige/obliges). Ini membezakan kewajipan dari tugas-tugas moral (*moral duties*), yang dimiliki oleh semua orang dan kepada semua orang lain. Sekali lagi bahasa menunjukkan perbezaan itu – ketika mana kita menjalankan tugas (*duty*), memenuhi atau menunaikan suatu kewajipan; kewajipan itu dilunaskan dengan cara kelihatan seperti membayar hutang, dan ini kelihatannya nampak lebih bersifat peribadi dari sebuah tugas. Perlu diperhatikan di sini bahawa suatu kewajipan, ia boleh dilakukan paling kurang sekali sahaja, sementara tugas-tugas moral tidak akan berhenti.¹⁵

Ketiganya, untuk setiap kewajipan yang dihasilkan ia juga serentak secara korelatif menghasilkan hak. Dengan mengenakan kewajipan untuk membuat A, si penanggung kewajipan (*obligor*) memberi kepada penerima kewajipan (*obligee*) suatu hak yang istimewa terhadap perlaksanaan perbuatan A *obligor* tersebut. Ini adalah hubungan timbal balik (*logical correlativity*) antara hak dan kewajipan. Kewujudan sebuah kewajipan mengandungi maksud sebuah hak kepada pihak yang lain. Bahasa tentang hak mempunyai caranya sendiri untuk menerangkan perbezaan

antara kewajiban dan tugas-tugas semula jadi. Kewajipan berhubung kait dengan versi moral dengan apa yang dipanggil jargon undang-undang iaitu hak secara peribadi (*rights in personam*). Ini adalah hak-hak yang diadakan terhadap orang tertentu dan adalah juga hak-hak kepada perlaksanaan atau ketabahan tertentu, yang Hart menamakannya sebagai hak-hak Istimewa.¹⁶

Tugas-tugas (*duties*)¹⁷ pula sebaliknya bila dihubungkan kaitkan dengan hak-hak, terhubung kait dengan hak-hak yang terjadi terhadap semua orang lain (*rights in rem*)¹⁸. Sekiranya tugas saya (*my duty*) atau kewajiban saya untuk tidak mencuri daripada orang lain, orang tersebut ada hak atau berhak untuk tidak saya curi hartanya, dan ini untuk semua orang. Ini bermaksud *duty* atau kewajiban itu di dalamnya terkandung hak orang lain. Hak itu pula kepada semua bukannya khusus atau kepada orang-orang tertentu. Hak-hak *in rem* biasanya hak-hak negatif, seperti hak ketabahan hati oleh orang lain (untuk melakukan sesuatu). Walau bagaimanapun, ada juga hak-hak *in rem* yang positif seperti hak terhadap pertolongan, dan ini terkait hubungan dengan *duty* atau tugas untuk membantu orang yang memerlukan.¹⁹

Keempatnya, sifat atau bentuk transaksi atau perhubungan yang dimerterai *obligor* (penanggung kewajiban) dan *obligee* (penerima kewajiban), bukannya sifat perbuatan yang menjadikannya wajib. Sedangkan hakikatnya bahawa sesuatu perbuatan itu tidak dibenarkan secara moral mungkin menjadikannya mustahil sebagai suatu kewajiban (fikirkan kes janji nak lakukan pembunuhan) dan sesuatu perbuatan secara moralnya diterima malah terpuji tidak menjadikannya sesuatu yang wajib. Kewajipan tidak dibuat berdasarkan sifat perbuatan wajib itu.²⁰

Manakala, seorang lagi sarjana, Robert Booth Fowler, menyatakan empat ciri umum kewajiban politik, sama bilangan cirinya dengan yang diberi oleh A. John Simmon. Pertama, Fowler mengatakan bahawa kewajiban politik itu sesuatu yang berkaitan dengan etika yang betul dari segi moralnya. Sama ada kewajiban itu praktikal atau tidak, sesuai atau sebaliknya adalah perkara kedua kepada piawaian hak yang mendasari teori kewajiban politik. Seseorang mengaitkan kewajiban politik dengan keinginan manusia, setengahnya pula dengan undang-undang semula jadi, yang lain pula dengan perjanjian atau kontrak yang dibuat, tapi semuanya bersetuju bahawa ia berkaitan dengan etika.²¹

Kedua, kewajiban politik ada kaitan dengan apa yang seseorang mesti berhutang atau bertanggung jawab (atau menolak untuk berhutang atau bertanggung jawab) terhadap suatu komuniti politik. Ia mungkin timbul atau pun tidak daripada pilihan-pilihan yang dibuat, tapi apa yang terlibat ialah suatu permintaan yang perlu ataupun sebaliknya untuk dihormati. Ia suatu kemestian tentang seseorang perlu lakukan untuk beretika dan tidak semestinya ia ingin lakukan. Kewajipan, termasuklah kewajiban politik, bermaksud jika seseorang itu wajib melakukannya, maka ia perlu ikut, tak kiralah apa pilihan sebenarnya.

Ketiga, kewajiban politik berlaku hanya dalam situasi kebersamaan, bila mana adanya orang lain yang mungkin melibatkan seseorang itu ada hubungan moral. Jadi, jelas di sini bila kita berseorangan (tanpa wujudnya orang lain) di padang pasir, maka kita tiada perlu kepada kewajiban politik. Yang lebih penting, kebersamaan bermaksud tidak akan wujud tanggung jawab politik sekiranya tiadanya komuniti politik, dan sekiranya anggota masyarakat menolak untuk terikat secara moral antara satu sama lain seperti situasi mewajibkan ketaatan. Semangat kebersamaan pada tahap tertentu adalah asas kepada kewajiban politik, kerana tanpa adanya, paling kurang rasa kebangsaan, kekauman, keetnikan, penghormatan etika sesama rakyat maka hubungan moral yang tulen tidak bermakna. Bangsa itu seperti sebuah organisasi – ia akan mati bila rakyatnya tidak memperdulikannya lagi dan ahli-ahlinya malah tiadanya lagi kewujudan nilai moral dan lagi teruk kalau pemerintahannya zalim.²²

Keempat, kewajipan politik yang tulen mestilah bersifat timbal balik, perhubungan yang sama rata – walaupun ia tidak selalunya betul, contohnya dalam masyarakat feudal – serta kewajipan pada umumnya tidak dilihat pada hari ini sebagai terhad kepada suatu kumpulan dalam masyarakat, tidak juga mempunyai nilai etika yang berbeza di kalangan warganegara yang sama rata, tetapi sebagai suatu tugas atau kewajipan yang kita galas sebagai warganegara yang setaraf.²³

Seorang lagi sarjana yang membicarakan tentang ciri-ciri kewajipan politik ialah Bikhu Parekh. Dia menyenaraikan sembilan andaian serupa yang diberikan oleh kebanyakan ahli teori politik. Ciri-ciri itu ialah: Pertama, mereka mengandaikan, dengan beberapa pengecualian yang jelas, tiada komuniti politik yang boleh bertahan kecuali warganya mentaati undang-undang, bukan disebabkan oleh kepentingan diri (secara sembrono atau kerana kecelikan tinggi), takutkan hukuman, tabiat atau berniat baik pada orang lain, tapi kerana ia adalah suatu kewajipan.²⁴

Kedua, mereka mengandaikan bahawa kewajipan untuk mentaati undang-undang adalah, dan sepatutnya, secara semula jadinya bersifat moral. Walaupun setiap penulis mempunyai definisi berbeza tentang moral, mereka sepakat bahawa jika kewajipan politik tidak dinyatakan bersifat moral dan terikat dengan hati nurani, ia tidak cukup kuat untuk mengekalkan komuniti politik. Malah, ahli falsafah anarki, Robert Paul Wolff sendiri berkongsi pandangan bahawa politik itu semula jadinya bersifat moral, malah menyatakan ia tidak tetap kerana dia dapat melihat bagaimana ejen moral autonomi (manusia) mempunyai kewajipan untuk mematuhi undang-undang hanya kerana sumber asalnya.²⁵

Ketiga, sekumpulan besar ahli teori politik mengandaikan bahawa kewajipan politik diambil daripada satu sumber atau prinsip dan bukannya dari sumber yang bertindan tindih. Mereka menyatakan ianya adalah; persetujuan, kebenaran, keadilan, kebahagiaan Masyarakat, dan keinsafan diri dan kesyukuran atas nikmat yang diterima. Mereka seolah-olah telah merasai bahawa jika teori kewajipan politik menarik kepada lebih daripada satu sumber atau asas ia akan menghadapi risiko menjadi berbagai-bagai, tidak tetap dan membuatkan kewajipan politik itu sendiri bergantung kepada pengiraan rakyat yang tidak dapat diramalkan.²⁶

Keempat, hampir semua ahli-ahli teori politik mengandaikan bahawa adalah boleh untuk menyediakan teori kewajipan politik yang neutral dari segi budaya dan sah secara universal yang mampu mewujudkan keyakinan kepada semua manusia rasional walaupun di mana mereka berada. Mereka berfikir semua manusia yang berkaitan dengan negara lebih kurang sama, yang mana persetujuan, keadilan, kesyukuran dan alasan kewajipan lain yang diakui mempunyai makna, daya tarikan, nilai lisan yang sama walaupun dalam masyarakat dan budaya yang berbeza.²⁷

Kelima, kebanyakan ahli teori politik mengandaikan bahawa semua warganegara mempunyai kewajipan yang sama ketat untuk mematuhi undang-undang. Mereka maklum bahawa sebahagian warga mungkin ada kewajipan-kewajipan lain atau alasan-alasan tambahan untuk mematuhi, tapi mereka yakin bahawa mereka semua itu mempunyai kewajipan asas yang sangat ketat untuk mematuhi undang-undang. Sesetengah yang radikal berpendapat bagi mereka yang mengalami hak yang tidak sama rata tidak akan memiliki kewajipan yang sama, dan bagi orang miskin atau yang menganggur tanpa sengaja adalah tiada kewajipan untuk mentaati undang-undang. Tapi ramai ahli teori politik arus perdana yang menolak pandangan ini.²⁸

Keenam, semua mereka mengandaikan bahawa asas kepada prinsip kewajipan politik adalah sama untuk semua warganegara. Mereka tidak melayan kemungkinan kumpulan rakyat yang berbeza mungkin mempunyai biografi politik yang berbeza, hubungan moral yang berbeza dengan negara mereka dan mungkin memperolehi kewajipan mereka untuk mematuhi undang-undang mereka dari sumber yang berbeza.²⁹

Ketujuh, kebanyakan ahli teori politik mengandaikan bahawa kewajipan politik hanya terhad kepada negara, dan pihak berkuasa sivil dan undang-undang adalah satu-satunya penuntut dan objek kepada kewajipan politik. Mereka tidak terfikir bahawa seseorang warganegara mungkin juga mempunyai kewajipan politik kepada entiti dan agensi supra negara atau kepada sub status agama, etnik dan komuniti lain. Mereka tidak terfikir mungkin ada seseorang itu menjadi warganegara kepada lebih dari satu negara atau menjadi warganegara untuk satu negara tapi menganggap satu negara lagi sebagai rumah etniknya serta merasakan kewajipan politiknya kepada kedua-duanya sekali.³⁰

Kelapan, andaian yang kelapan ialah ahli-ahli teori politik membahagikan penduduk sesebuah negara kepada warganegara dan bukan warganegara ataupun pendatang. Kedua-duanya dipisahkan dengan jelas supaya setiap warga sebuah negara itu adalah sama ada dari satu negara atau bukan dan setiap kategori diseragamkan, jadi ia menghalang wujudnya perbezaan taraf. Ahli-ahli teori politik menjadikan warganegara sebagai kerangka rujukan utama mereka serta menentukan status pendatang berdasarkan itu. Para pendatang bukannya warganegara, kalau definisi negatifnya disebut, “yang satu lagi,” yang dilihat sebagai tidak memiliki status positifnya yang tersendiri. Selain itu, mereka tidak menikmati hak sepenuhnya seorang warga tapi mereka mempunyai kewajipan asas yang sama dalam mentaati undang-undang. Tiada ahli teori politik yang secara sistematik meneroka asas kewajipan mereka atau ketidakpadanan yang jelas antara hak dan kewajipan mereka.³¹

Kesembilan, beberapa penulis kewajipan politik berhujah bahawa sesiapa yang dinafikan hak asas politik kewarganegaraan, diperlakukan sebagai hamba atau ditindas, dikecualikan dari kewajipan politik, tapi mereka berkeras bahawa keadaan ini tidak mengurangkan kewajipan rakyat yang lain untuk mematuhi undang-undang. Pada pandangan mereka pihak yang kedua tidak boleh mengatakan memandangkan negara mereka melayan sebahagian dari mereka dengan teruk maka ia rosak dari segi struktur dan tidak berhak ke atas kesetiaan mana-mana daripada mereka.³²

Perbezaan Kewajipan Politik dengan Kewajipan Sivil

Mengetahui perbezaan ciri-ciri antara kewajipan politik dengan kewajipan sivil adalah penting kerana kedua-duanya berkaitan dengan keanggotaan warga terhadap negaranya; kerana keduanya berkongsi ciri yang sama, namun berbeza dalam aspek yang ketara. Sekali lagi Bikhu telah membincangkannya dengan baik sekali. Pertamanya, kewajipan sivil bertanggung jawab kepada pihak berkuasa sivil. Pihak berkuasa sivil diberikan kuasa untuk membuat keputusan dan menguat kuasakannya secara kolektif dan ia adalah kewajipan *prima facie* warga untuk mentaatinya. Sebaliknya, kewajipan politik pula dipertanggung jawabkan ke atas sesama warganegara. Sebagai ahli sesebuah negara, rakyat bertanggung jawab kepada sesama ahli dan bukannya kepada pihak berkuasa sivil untuk mendedahkan perbuatan salahnya, untuk mengambil bahagian dalam pengendalian hal ehwal awam, untuk mendedahkan ketidakadilan dan umumnya untuk menggalakkan kesejahteraan Masyarakat. Oleh kerana kewajipan politik dipertanggung jawabkan kepada semua warga secara kolektif, kita boleh katakan bahawa ia bertanggung jawab kepada kerajaan atau masyarakat dan berbeza dengan kewajipan sivil yang mana ia bertanggung jawab kepada pihak berkuasa sivil atau kerajaan yang sah.³³

Keduanya, kewajipan sivil adalah bersifat peribadi. Semua warga mesti membayar cukai, berhenti di lampu isyarat, menjauhi membunuh dan mencuri dan secara umumnya mentaati undang-undang dan menegakkan kuasa sivil. Kecuali dalam pelanggaran kuasa secara umum tiada seorangpun boleh menuntut pengecualian daripada kewajipan atas alasan orang lain gagal menunaikan tanggung jawab mereka tetapi tidak bermaksud mereka boleh menghapuskannya. Kewajipan politik pula berbeza. Jika sudah cukup orang yang aktif dalam kehidupan awam, saya tidak perlu hadir ke mesyuarat awam dan berkhidmat untuk jawatan awam; jika cukup orang yang

memprotes ketidakadilan atau dasar yang tidak baik, saya mungkin tidak menyertainya. Ini bukan pula bermaksud saya tidak mempunyai kewajipan ini. Sebaliknya, oleh kerana kewajipan politik bersifat kolektif dan bersama, sebahagian mungkin dikecualikan daripada menunaikannya jika ia telah ditunaikan oleh orang lain.³⁴

Ketiganya, tidak seperti kewajipan sivil kewajipan politik mempunyai dimensi elit, dalam erti kata semua warga mempunyai kewajipan politik, sesetengahnya mempunyai darjat yang lebih tinggi dari yang lain. Kehidupan politik memerlukan organisasi, pemujukan, retorik dan kemahiran-kemahiran lain, keupayaan untuk menyatakan dan memahami isu-isu yang kompleks, keupayaan untuk membentuk pertimbangan dan sebagainya. Semua warga tidak memiliki segala kemahiran ini dalam jumlah yang sama. Secara umumnya juga berlaku bahawa sesetengah lelaki dan wanita dalam setiap masyarakat mempunyai kuasa moral yang lebih besar dan mempunyai rasa hormat dan pengaruh yang lebih besar dari yang lain kerana kedudukan sosial mereka, kepintaran politik dan rekod perkhidmatan awam yang lama. Semakin besar kewibawaan seseorang dalam komuniti atau semakin besar kemahiran berkaitan politik mereka semakin besar kewajipan seseorang untuk campur tangan dalam kehidupan politik. Sesetengah orang mempunyai kelebihan yang dinafikan kepada orang lain. Di sini samalah seperti di tempat lain iaitu kelebihan itu menambah ketegasan tanggung jawab politik mereka.³⁵

Keempatnya, kewajipan sivil terdiri daripada mematuhi undang-undang negara dan menegakkan kuasa sivil. Tanggung jawab politik adalah dalam skala yang lebih luas. Rakyat mungkin berasa sangat terganggu dengan dasar asing, ekonomi, pendidikan dan lain-lain dasar kerajaan dengan sikap acuh tak acuh terhadap kemiskinan dan ketidakadilan, atau campur tangan agresif hal-ehwal negara lain, dan berfikir bahawa mereka mempunyai kewajipan untuk melakukan mengenainya. Sememangnya tidak macam kewajipan sivil, yang sebahagian besarnya terhad kepada undang-undang, tidak ada aspek kehidupan kolektif yang mungkin tidak menjadi subjek kewajipan politik.³⁶

Akhir sekali, sebahagian besar kewajipan sivil dikuat kuasakan secara sah dalam erti kata bahawa pihak berkuasa awam memerlukan rakyatnya untuk mematuhi undang-undangnya berbanding dengan penderitaan dari hukuman. Ini umumnya tidak berlaku dalam kewajipan politik. Memang benar bahawa rakyat diperlukan untuk mengundi seperti di Australia, atau untuk menghadiri mesyuarat politik dan memegang jawatan awam seperti dalam Athen kuno, atau untuk tidak mematuhi atau membantah tindakan kerajaan yang tidak berperlembagaan seperti di bawah perlembagaan Jerman sekarang. Bagaimanapun, wujud pengecualian iaitu dalam apa jua keadaan kebanyakan kewajipan politik warga yang lain tidak boleh diwajibkan oleh undang-undang tanpa menghilangkanan maksud dan tujuannya. Kewajipan politik tidak mempunyai hukuman lain selain rasa tanggung jawab warganegara dan dorongan moral serta tekanan budaya politik yang wujud. Dalam aspek ini, ia sangat serupa dengan kewajipan moral yang lain dan hakikatnya meskipun ia tidak boleh dituntut secara sah oleh pihak berkuasa sivil, ia tidak bermakna telah mengurangkan kepentingannya.³⁷

Istilah-istilah Politik Islam berkaitan Kewajipan Politik

Dalam politik berteraskan Islam wujud istilah-istilah yang berhubungan dengan kewajipan politik. Antaranya ialah:

Bai'ah

Bai'ah adalah sumpah setia. Menurut Emile A. Nakhleh, *bai'ah* ialah suatu perjanjian tidak bertulis atau suatu pakatan yang melibatkan pengiktirafan, dan sumpah taat setia kepada seorang khalifah,

seorang pemerintah, seorang raja ataupun seorang pemimpin. Sumpah ini biasanya diberikan bagi pihak pengikut oleh ahli terkemuka suku atau ahli penting dalam keluarga atau puak. Apabila wakil-wakil puak ini (atau pemilih/ *elector*) membuat pakatan dengan pemerintah, mereka berbuat demikian dengan pemahaman bahawa selagi pemerintah itu mematuhi tanggung jawab tertentu terhadap rakyatnya, rakyat pula harus mengekalkan kesetiaan mereka kepada pemerintah tersebut. Biasanya, wakil itu termasuklah alim ulamak, ketua-ketua parti dalam masyarakat dan kadang-kadang orang yang tua keluarga.³⁸

Ita'ah (Ketaatan)

Istilah ini dan bentuk-bentuknya yang lain, seperti *ati 'ū*, *ati 'ūna* dan *atā 'a* banyak terdapat dalam al-Qur'an. Manzooruddin menyatakan bahawa di mana sahaja rujukan dibuat tentang kewajipan umum ummah, untuk mematuhi; ia khusus hanya terpakai terhadap Allah dan rasulnya. Begitu juga di mana sahaja ketaatan diperintahkan dalam al-Qur'an, Allah dan rasulnya disebut Bersama-sama seperti dalam ayat-ayat berikut.³⁹

“Katakanlah: “Taatilah Allah dan Rasulnya; jika kamu berpaling, maka sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang kafir.” (Ali Imran: 32).

“Dan barangsiapa yang mentaati Allah dan Rasul(Nya), mereka itu akan Bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi nikmat oleh Allah, iaitu; Nabi-nabi, para siddiqin, orang-orang yang mati syahid dan orang-orang solih. Dan mereka itulah teman yang sebaik-baiknya.” (An-Nisaa: 69).

“Dan taatilah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul(Nya) dan berhati-hatilah. Jika kamu berpaling maka ketahuilah bahawa sesungguhnya kewajiban Rasul Kami, hanyalah menyampaikan (amanat Allah) dengan terang.” (Al-Maaidah: 92). Ada lagi lima ayat yang menunjukkan kebersamaan subjek ketaatan pada Allah dan seterusnya rasulNya iaitu surah al-Anfal: 1; al-Anfal: 20-21; al-Anfal: 46; an-Nur: 54 dan surah Muhammad: 33. Walau bagaimanapun, bila bercakap tentang kuasa politik ketaatan itu difahami sebagai ketaatan kepada mereka yang memegang kuasa atau para penguasa.

Fasād fī al-Ard (salah laku atau kerosakan di muka bumi)

Menurut Izutsu ungkapan *fasād* dan bentuk-bentuk terbitan lain perkataan *fasād* yang diungkap di dalam al-Qur'an, dalam erti yang lebih luas menunjukkan semua jenis kemungkaran dan dalam erti yang lebih sempit, ia adalah kekufuran.⁴⁰ Istilah-istilah ini digunakan di dalam pengertian agama dan juga bukan agama.

Baghī (Pemberontakan)

Ia adalah ungkapan dari al-Qur'an dan telah diberi pengertian teknikal oleh para *fuqaha* (ahli-ahli hukum) Islam dan ia bermaksud pemberontakan menentang kuasa imam yang sah dalam masyarakat Islam. Asalnya istilah ini wujud dalam al-Qur'an bagi maksud bertindak secara tidak sah dan zalim terhadap orang lain dan kesalahan itu dilakukan secara terbuka.⁴¹

Al-Fitnah (Pergaduhan Sivil)

Ia adalah merupakan perang saudara dalam umat Islam.⁴² Menurut John Alden Williams, akar Bahasa Arab untuk *fitnah* ialah *f-t-n* yang bermaksud “membakar.” Ia juga digunakan untuk mencairkan emas atau perak untuk mencubanya. Maka, ia adalah kedua-duanya sekali, iaitu pembakaran dan percubaan atau godaan, dan dengan terus menggoda atau menawan – satu pesona.⁴³ Dalam pengertian sosial Williams menyatakan *fitnah* bermaksud apa sahaja yang boleh memecah-belahkan Masyarakat; sebaliknya cubaan kerajaan untuk menghentikan aktiviti yang berpotensi mengganggu kestabilan oleh kumpulan agama Islam mungkin seterusnya dilabel *fitnah* oleh penganut kumpulan tersebut.⁴⁴

Teori-teori Kewajipan Politik

Terdapat beberapa teori dalam kewajipan politik, tetapi yang paling banyak dibincangkan oleh para sarjana adalah Teori undang-undang semula jadi (*Natural Law Theory*), Teori Tradisi dan Sejarah (*History and Traditional Theory*), Teori Kumpulan (*Group Theory*), Teori Faedah (*Benefit Theory*), Teori Utiliti (*Utilitarian Theory*) dan Teori Keadilan (*Fair Play or Fairness Theory*). Secara ringkasnya, teori-teori tersebut adalah seperti berikut.

Teori Undang-undang Semula Jadi

Ia adalah undang-undang Ilahi, walaupun kadang-kadang ia merujuk kepada alam semula jadi terpisah dari mana-mana tuhan. Andaiannya ialah bahawa semua undang-undang tertingi ini menetapkan syarat untuk hubungan etika manusia dan ini termasuklah kewajipan politik. Dalam dunia Barat undang-undang alam dan Ilahi meletakkan ketaatan warganegara kepada sistem politik. Contohnya, mesej utama Kristian tradisional adalah di bawah kuasa Saint Paul ataupun Saint Augustine; juga dengan pandangan Jonathan Boucher, ahli teori Tory terkemuka Amerika semasa Revolusi Amerika. Dalam teori ini Tuhan atau tuhan-tuhan memerintahkan tugas ketaatan kepada negara.⁴⁵

Teori Tradisi

Penyokong teori ini berhujah bahawa adat dan tradisi dalam masyarakat harus menentukan sempadan kewajipan politik untuk warganya. Pada mereka pengalaman manusia yang dinyatakan dalam tradisi adalah panduan yang lebih baik daripada mana-mana sentimen sementara majoriti, undang-undang semula jadi yang sukar difahami dan juga pendapat individu. Edmund Burke – pemikir British abad ke-18, mengutarakan ini secara menyeluruh bahawa: masyarakat adalah sebuah kontrak di antara masa lalu, masa sekarang, dan masa akan datang, di mana kita semua terikat bersama dalam pengalaman dan kebijaksanaan manusia. Untuk mengabaikan ikatan sejarah sosial ini, atau dalam erti lain, mengabaikan komitmen kita pada masa lalu adalah tidak bermoral.⁴⁶

Hujahan Burke muncul sebagai serangan terhadap Revolusi Perancis yang terang-terangan menolak tanggapan Burke tentang takrifan tradisi kewajipan politik, tetapi ia terus digunakan oleh Konservatif Amerika dalam persekitaran yang jelas berbeza, selalunya bersamaan dengan pendirian undang-undang semula jadi agama. Secara lebih luasnya, ia adalah ciri-ciri patriot yang bersemangat di setiap negara yang berbangga dengan negara mereka, pencapaiannya dan masa lalunya.⁴⁷

Dalam istilah politik, pemikir yang menggunakan hujah tradisionalis biasanya merumuskan bahawa parameter kewajipan politik adalah luas dan batas keingkaran yang dibenarkan secara moral adalah sempit. Sejarah nampaknya mengajar ketaatan, walaupun sebenarnya apa yang dikatakan mengajar pada masa lalu merangkumi banyak perkara yang berbeza. Sejarah boleh menyediakan asas

kepada kewajipan politik seperti Huguenots di Perancis, penjajah England di Amerika atau sebagai penyokong Lenin yang menderita di bawah Tzars, yang dilihat dari Sejarah mereka sendiri. Maksud kumpulan ini ialah Sejarah adalah rekod kepada banyak perkara dan sudut pandangan penterjemah biasanya mentakrifkan intipatinya.⁴⁸

Masalah besarnya dalam teori kewajipan politik ini ialah bahawa tiadanya alasan yang khusus dalam mengandaikan bahawa kerana hanya sesuatu telah dilakukan dengan cara tertentu pada masa lalu; ia sepatutnya dilakukan dengan cara yang sama pada masa hadapan. Penentang idea ini melontarkan beberapa soalan untuk menentangnya. Soalannya adalah: Satu, mengapa perlu mengikuti kerana bapa anda berkhidmat dalam tentera anda juga diwajibkan berbuat demikian? Dua, apakah dia yang secara khusus bermoral pada masa lalu? Ia mungkin bermoral atau mungkin juga tidak. Jadi, dengan adat kefahaman tentang tugas dan kewajipan politik seseorang: mereka mungkin beretika atau sebaliknya, tetapi zaman kuno mereka tidak menentukan apa-apa.⁴⁹

Kita boleh belajar dari masa lalu, tapi kewujudan atau tidak sesuatu kewajipan tidak boleh terjadi semata-mata kerana ia bersifat tradisional. Hujahan mesti dibuat, seperti yang dilakukan, contohnya dengan kes pragmatik untuk kewajipan yang menekankan bahawa mengikuti masa lalu adalah berharga untuk alasan tertentu, seperti galakan untuk Masyarakat yang stabil.

Teori Persetujuan

Teori ini menjelaskan bahawa rakyat memikul kewajipan politik kepada negara hanya selagi mana ia berasaskan kepada kemahuan mereka, yang menetapkan bahawa mereka boleh menggulingkan sebarang pemerintah politik yang gagal melaksanakan tugasnya. Hari ini hampir semua kerajaan di dunia mendakwa bahawa asas mereka terletak pada persetujuan rakyat. Ia adalah amalan bagi kerajaan, untuk menagih sokongan popular mereka sebagai justifikasi dalam menuntut pematuhan undang-undang dan menghormati institusi.⁵⁰

Banyak pertikaian yang amat sengit tentang kewajipan politik hari ini menerima idea bahawa persetujuan adalah satu-satunya teori kewajipan politik yang betul, tetapi rakyat sangat tidak bersetuju dengan maksud persetujuan, terutamanya kerana ia tentang situasi sebenar mereka sendiri. Masalah praktikal dan intelektual pertama dengan teori kewajipan berasaskan persetujuan adalah untuk menentukan jawapan yang baik kepada makna persetujuan itu sendiri. Terdapat banyak kemungkinan jawapan. Takrif persetujuan yang paling jelas ialah persetujuan langsung, iaitu idea bahawa rakyat diwajibkan secara politik hanya jika mereka telah mengangkat sumpah taat setia secara rasmi, melalui undang-undang atau awam kepada pemerintah politik tertentu.⁵¹

Yang jelas ialah tidak ramai orang di dunia yang dipanggil untuk mengangkat sumpah sebegitu dan tetapi ia juga jelas bahawa adalah mudah di kebanyakan negara untuk memenuhi standard persetujuan langsung. Apa yang diperlukan oleh negara ialah proses tetap bagi rakyat untuk mengangkat sumpah kebenaran secara berskala, mungkin di pejabat pos tempatan.⁵²

Teori-teori lain kewajipan politik ialah Teori Utilitarian dan Teori Keadilan (*Fairness Theory*), yang mana Lesley Jacob mengelaskannya dalam dua kategori. Teori Utilitarian dikelaskannya sebagai teori berasaskan negara, sementara Teori Keadilan adalah berasaskan warganegara.⁵³

Teori Utilitarian

Faham utilitarian adalah suatu doktrin moral politik yang berasal dari pemikiran politik British dalam abad ke-18. Prinsip asas faham utilitarian ialah institusi sosial dan politik haruslah direka bentuk dalam keadaan ia dapat mencapai utiliti (faedah atau manfaat) atau kebajikan yang paling besar dalam masyarakat. Utiliti atau kebajikan individu boleh difahami dari segi sama ada keutamaan-kepuasan

atau status mental, contohnya kebahagiaan. Utiliti atau kebajikan umum masyarakat ditentukan dengan menjumlahkan tahap utiliti atau kebajikan semua individu yang menjadi anggota masyarakat itu.⁵⁴

David Hume,⁵⁵ ahli falsafah abad ke-18 telah menyediakan piawai teori utilitarian tentang kewajipan politik. Menurut Hume, kewajipan am yang mengikat kita kepada kerajaan adalah kepentingan dan keperluan Masyarakat. Pengalaman dan pemerhatian mengajar kita bahawa masyarakat tidak mungkin dapat dikekalkan tanpa kuasa majistret dan pihak berkuasa ini tidak dapat kekal lama dan tidak dihormati apabila ketaatan yang sepatutnya tidak diberikan kepadanya.⁵⁶ Melihat pandangan emperikal Hume ini, dapat difahami bahawa seseorang tidak mungkin memperoleh kebahagiaan, melalui utiliti dan kebajikan, tanpa mengakui kewujudan pihak berkuasa atau negara. Pihak berkuasa bagaimanapun akan gagal berfungsi sekiranya orang ramai tidak memberi kepatuhan kepadanya.

Idea utamanya ialah untuk memaksimakan utiliti dan kebajikan umum (utiliti dan kebajikan semua individu) memerlukan kepada kewujudan masyarakat (iaitu dalam bentuk kuasa) dan sebaliknya tanpa ketaatan warga kepada pihak berkuasa negara, masyarakat tidak akan dapat wujud.⁵⁷ Jadi, idea sebuah kerajaan itu adalah untuk mencapai matlamat ini, iaitu untuk memaksimakan kebajikan umum sebuah masyarakat, dan ketiadaan ketaatan menjadikannya cacat dari segi fungsi.

Daripada idea yang dikemukakan Hume ini, Lesley merumuskan pemikiran Hume tentang kewajipan politik dengan langkah hujahan. Langkah pertama ialah masyarakat tidak boleh wujud tanpa kuasa Kerajaan. Langkah kedua Hume menekankan bahawa untuk mengekalkan kuasa negara setiap individu perlu patuh kepada negara.⁵⁸ Ini semua adalah asas kepada kewajipan politik Hume juga kewajipan politik teori utilitarian.

Teori Keadilan

Teori atau prinsip ini pertama kalinya disediakan oleh H. L. A Hart pada tahun 1955. Hart percaya bahawa bila mana sebilangan individu menjalankan sebarang perusahaan bersama mengikut peraturan yang menyekat kebebasan mereka, dan mereka yang telah tunduk kepada sekatan ini apabila diperlukan mempunyai hak yang sama kepada penyerahan serupa daripada mereka yang telah mendapat manfaat daripada penyerahan mereka.⁵⁹

Ada yang menganggap prinsip atau teori ini sebagai lanjutan dari teori persetujuan tetapi lebih banyak pula ia dilihat sebagai pengganti kepada teori persetujuan.⁶⁰ Namun, jika dilihat pada asas teori keadilan, ia adalah berbeza dari teori persetujuan. Bagi teori persetujuan asas kewajipannya ialah tindakan bermuafakat, contohnya ialah janji dan kontrak. Sementara teori keadilan pula asasnya ialah sebarang penerimaan faedah yang disediakan melalui pengorbanan peserta lain dalam skim koperasi; kandungannya ialah melakukan bahagian seseorang dalam skim itu.⁶¹

Serupa dengan teori persetujuan, teori keadilan menekankan kepada kepentingan kesukarelaan dalam menghasilkan kewajipan. Dalam kedua-dua teori ini, perbuatan sukarela adalah asas kepada ikatan politik, walaupun ahli-ahli teori persetujuan menegaskan kepada keperluan aku janji tetapi tidak pula dalam teori keadilan.⁶² Teori Keadilan ini melihat komuniti politik dengan cara yang berbeza berbanding dengan teori persetujuan; khususnya mereka dilihat sebagai “komuniti” dalam erti kata yang agak ketat. Kita harus memahami komuniti politik sebagai asasnya, atau sekurang-kurangnya sebahagiannya, perusahaan perhubungan kerjasama pada skala yang sangat besar. Oleh itu, rakyat difikirkan dalam hubungan kerjasama dengan sesama mereka, bukannya dalam hubungan musuh dengan Kerajaan.⁶³

Janji yang disengajakan tidak perlu menjadi wajib di bawah prinsip teori keadilan, seseorang itu boleh terikat tanpa mengetahui bahawa dia melakukan sesuatu yang mewujudkan kewajipan dan menerima faedah dalam konteks yang betul boleh terikat secara sedar. Ini adalah perbezaan penting dari teori persetujuan, yang menekankan keperluan sesuatu usaha yang disengajakan.⁶⁴

Selain dari teori-teori di atas, iaitu dari perspektif politik Barat, yang selanjutnya pula adalah teori-teori Islam tentang kewajipan politik yang dibincangkan oleh para sarjana Islam. Ia walau bagaimanapun, dibincang dalam teori ketaatan kepada pihak berkuasa atau *khilafah*. Meskipun teori ini kelihatan terhad kepada kewajipan rakyat sahaja, kalau dilihat secara literalnya, namun dalam perbincangannya, ia mencakupi kewajipan pihak berkuasa terhadap rakyat dan ini termasuklah mengenai tindakan pemberontakan dan penentangan daripada rakyat.

Teori Perundangan Khilafah⁶⁵

Teori ini membincangkan penubuhan sistem khilafah dan ia merupakan keperluan perundangan yang mana tanpanya umat Islam akan hidup tanpa undang-undang. Para sarjana Islam penyokong teori ini yang perihatin dalam memelihara perpaduan ummah seterusnya menumpukan fokusnya pula daripada ummah kepada *Khilafah*. Menurut teori ini fungsi utama khalifah ialah untuk mengekalkan perpaduan politik dalam ummah (masyarakat Islam) yang mana tanpanya kuasa perundangan Islam adalah tergantung atau tak dapat dilaksanakan. Dalam erti kata lain, Masyarakat Islam tanpa khalifah atau imam samalah macam sebuah masyarakat tanpa undang-undang.⁶⁶

Antara ciri-ciri teori ini ialah: pertama, tumpuan utamanya ialah memelihara perpaduan ummah. Kedua, fungsi utama khalifah ialah kesepaduan politik di dalam ummah kerana tanpanya kuasa undang-undang Islam akan tergantung. Ketiga, *khilafah* itu diberi kuasa oleh perintah al-Qur'an dan Sunnah Nabi, oleh itu sebaik sahaja seorang khalifah sudah dipilih secara betul, ketaatan mesti diberikan kepadanya dalam semua keadaan. Keempat, ia adalah keperluan undang-undang di mana ketaatan mesti diberikan kepada pihak yang berkuasa, termasuklah khalifah dan sultan.⁶⁷

Di antara penyokong teori ini ialah al-Mawardi, Ibn Jama'ah dan al-Ghazali. Mereka adalah penyokong pendapat bahawa ketaatan kepada imam atau khalifah adalah wajib. Al-Ghazali umpamanya, menyatakan bahawa ketaatan itu bukan sahaja kepada imam tetapi juga kepada sultan yang merupakan punca kuasa kepada imam.

Teori Penguatkuasaan Syariah dan Keadilan

Teori ini bukanlah sangat membincangkan institusi khilafah, tapi penekanan utamanya ialah untuk melaksanakan kedaulatan syariah dan melaksanakan keadilan di dalam ummah. Pendokong teori ini ialah Ibn Taimiyyah yang berpendapat bahawa "mereka yang berkuasa," yang terdapat dalam ayat al-Qur'an menggambarkan dua jenis kelas: pertama, ulamak dan kedua, *umarak* (pemerintah).⁶⁸ Ibn Taimiyyah percaya bahawa tiada bilangan yang khusus untuk jawatan khalifah kerana elit pemerintah terdiri daripada dua kelas dan kesannya, kuasa politik dalam ummah adalah berdasarkan kerjasama (*taawun*) di antara mereka. Oleh itu, bagi Ibn Taimiyyah dalam negara Islam, syariah mestilah berdaulat, oleh itu, ummah diperintahkan untuk taat kepada mereka yang mentadbir syariah dan melaksanakan keadilan. Tetapi mereka bukanlah di atas undang-undang syariah, justeru itu kewajipan itu bukanlah mutlak.⁶⁹

Meskipun idea khalifah al-Ghazali tidak berasaskan dari teori ini, namun beberapa idea Ibn Taimiyyah adalah selari dengan ideanya. Ibn Taimiyyah mengemukakan idea dua kelas dalam golongan yang berkuasa, iaitu ulamak dan umarak, kerjasama adalah suatu keperluan di kalangan

mereka. Khalifah menurut al-Ghazali dicirikan oleh kerjasama dari tiga elemen penting yang membentuk sistem khilafahnya. Elemen itu ialah khalifah, sultan dan ulamak dan setiap elemen ini saling melengkapi satu sama lain demi membentuk pihak berkuasa Islam. Perbezaan dua sarjana ini dalam isu berkenaan ialah Ibn Taimiyyah tidak menyokong sangat institusi khilafah; padanya apa yang penting ialah bahawa pihak berkuasa boleh melaksanakan syariah dan keadilan dan ia tidak semestinya seorang khalifah atau imam.⁷⁰ Al-Ghazali walau bagaimanapun, lebih menekankan institusi khilafah, yang datang dengan idea pelbagai elemen dalam pembentukan institusi khilafahnya. Dalam erti kata lain, untuk pembentukan sistem khilafah, dia memasukkan peranan atau unsur sultan dan ulamak ke dalamnya.⁷¹ Ini menunjukkan kedua-dua al-Ghazali dan Ibn Taimiyyah adalah bersifat realis dalam pendekatan politiknya, yang cuba untuk memenuhi tuntutan zamannya dan tidak ketat terikat dengan idea khilafah klasik.

Ciri-ciri teori ini ialah; satu, penekanan utamanya ialah pelaksanaan syariah dan keadilan; kedua, pemerintah tidak semestinya seorang imam atau khalifah; ketiga, mereka yang memegang kuasa melibatkan dua jenis kelas, iaitu ulamak dan umarak; keempat, pihak berkuasa politik dalam ummah adalah berdasarkan kerjasama, iaitu antara ulamak dan umarak; yang terakhirnya, syariah adalah berdaulat dan tiada satupun di atasnya termasuklah pihak berkuasa.

Teori Asabiah⁷²

Teori ini telah dikemukakan oleh Ibn Khaldun dalam usahanya untuk menghadapi realiti politik pada zamannya. Menyedari kuasa dan pengaruh sistem khilafah yang semakin melemah pada zamannya, dia mengambil langkah yang berani untuk tidak terbawa-bawa hanyut dengan keadaan di waktu itu dan cuba mencari penyelesaian untuk kuasa politik umat Islam.

Menurut teori ini, kuasa dan kewibawaan khilafah boleh digantikan oleh kuasa dan kewibawaan raja atau Kerajaan. Dalam erti kata lain, di sebalik mempunyai kuasa imamah atau khilafah sebagai satu-satunya penguasa atau kerajaan untuk umat Islam, mereka boleh mempunyai raja atau Kerajaan sebagai pemerintah untuk rakyat, malah Ibn Khaldun sendiri menerimanya sebagai bentuk kerajaan yang kedua terbaik selepas sistem khilafah atau imamah. Ibn Khaldun datang dengan teori ini dalam mendepani kekeliruan yang dihadapinya bila berdepan dengan teori dan amalan kuasa khilafah pada zamannya.

Kesimpulan

Dalam memahami subjek kewajipan politik, menekuni latar belakang bagaimana timbulnya istilah kewajipan politik itu adalah sangat penting. Selain mendalami ciri-cirinya dan juga teori-teori yang diutarakan baik dari sarjana Barat mahupun Islam. Kewajipan sivil dan politik mempunyai perbezaan yang amat kecil sekali, namun boleh diperhatikan bahawa kewajipan sivil itu lebih kepada ketaatan yang menjadi tugas semua warga kepada kerajaan sahaja sementara kewajipan politik pula adalah bersifat timbal balik dan meliputi semua kumpulan serta mirip kepada fardu kifayah dalam sistem fekah Islam. Kalau dilihat kewajipan politik dari sudut Islam pula, kewajipan itu tidak bersifat dua hala sebaliknya ia adalah kewajipan semua baik pemerintah (sama ada imam, khalifah, raja, perdana menteri dan lain-lain lagi) dan juga rakyat iaitu ia adalah kewajipan kepada Tuhan, dan seterusnya kepada nabi dan akhirnya kepada pemimpin. Cuma ketaatan kepada pemimpin adalah selagi mana mereka tidak menderhakai Tuhan. Jadi, ketaatan yang paling mutlak adalah kepada Tuhan. Perlu ditekankan bahawa kewajipan politik ialah suatu kewajipan yang wujud bila adanya negara dan pemerintah. Iaitu bila adanya pemerintah dan yang diperintah tidak boleh tidak ia menuntut kepada suatu perhubungan dua hala, iaitu di satu pihak ia berupa kewajipan dan di pihak yang lain pula

ia merupakan haknya, untuk ditaati. Ketaatan adalah hak kepada pihak Kerajaan atau pemerintah dan suatu kewajiban pada yang diperintah atau rakyat. Dalam masa yang sama perkhidmatan, sama ada memberi keselamatan, memberi fasiliti atau kemudahan, Pendidikan dan sebagainya adalah pula tanggung jawab pihak pemerintah dan ia adalah pula hak kepada rakyat. Dengan penulisan ini, semoga ia dapat memberi pencerahan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang kewajiban politik terutamanya kepada para pelajar sains politik dan juga rakyat umum tentang peranan dan hak mereka dalam hidup bernegara.

Nota Akhir

¹ Untuk keterangan lanjut rujuk A. P. D' Entreves, "On the Nature of Political Obligation," *Philosophy*, vol. XLIII, no. 166, 1968, hlm. 314.

² Ibid.

³ Sila rujuk Paul Harris, *On Political Obligation*, Routledge, New York, 1990, hlm. 11.

⁴ Ibid., 129.

⁵ Rujuk D' Entreve (ed.), *Stamford Encyclopedia of Philosophy*, Routledge, New York, 1994, hlm. 2.

⁶ Lihat T. H. Green, *Lectures on the Principles of Political Obligation*, ed. Paul Harris dan John Marrow, Cambridge University Press, Cambridge, 1984, hlm. 13.

⁷ *Antigone* adalah nama seorang Perempuan juga suatu judul drama yang ditulis dan dipentaskan oleh Sophocles. Ia sebenarnya tentang suatu tragedi yang berlaku di Thebes, sebuah bandar Greek kuno. Menurut legenda, Thebes telah dibangunkan oleh Cadmus, yang berasal dari Phoenicia, tetapi selepas berjaya memerintah, dia meninggalkan pemerintahannya di situ dan menuju ke Barat Greek Bersama dengan isterinya Harmonia. Raja yang awal ialah Labdacus yang mangkat semasa puteranya Laius masih kecil. Ketika masih di bawah umur, Laius telah menculik Chrysippus, Putera Pelops iaitu raja Elis. Dari jenayah ini, Pelops melaknat Laius, yang mana telah memusnahkan dua generasi berikutnya keturunan Labdacus. Bila Laius menjadi raja dan mengahwini Jocasta dia telah diberi amaran bahawa anaknya akan membunuhnya. Jadi, dia telah membuat lubang kecil di kedua-dua buku lali bayi tersebut, mengikat kedua-dua kakinya dan meletakkannya di Gunung Chitaeron iaitu padang ragut biasa Thebes dan Corinth di sebelahnya. Di situlah seorang pengembara Corinth menemui bayi tersebut dan menyerahkan bayi itu kepada rajanya, Polybus dan permaisuri Merope, yang menamakannya Oedipus iaitu si kaki bengkok (*Swollen foot*) dan membesarkannya sebagai putera mereka. Bila dewasa dan setelah mendapat tahu yang dia bukanlah putera sebenar raja, dia terus menemui seorang paderi (yang boleh menjadi pengantara dengan Tuhan) di Delphi untuk mengetahui siapa ibu bapa sebenarnya. Paderi itu mengatakan bahawa dia akan membunuh bapanya dan akan mengahwini ibunya. Untuk mengelakkan takdir ini, Oedipus tidak mahu pulang ke Corinth, sebaliknya pergi ke Thebes. Di persimpangan jalan dia terlibat dalam pergaduhan dengan pengembara lain dan dalam pergaduhan seterusnya dia telah membunuh penghuni sebuah gerabak dan tanpa diketahuinya bahawa itulah bapanya, Laius. Bila Oedipus sampai di Thebes, dia dapati bandar itu tengah bergolak, rajanya hilang, dan ia dilanda oleh sphinx (makhluk bersayap berwajah perempuan dan berbadan singa). Dalam situasi begini, Creon iaitu pemangku raja dan saudara lelaki kepada Jocasta, menawarkan kerajaan itu termasuk permaisurinya untuk dikahwini sekiranya ada sesiapa yang dapat menyelesaikan angkara Sphinx serta menyelamatkan negeri tersebut. Takdirnya Oedipuslah yang telah menamatkan angkara Sphinx tersebut dan tanpa disedarinya, telah mengahwini ibunya sendiri. Dalam perkahwinan itu dia mendapat dua orang anak lelaki iaitu Eteocles dan Polynieces serta dua orang anak Perempuan, iaitu Antigone dan Ismene. Beberapa tahun selepas itu, Thebes telah ditimpa wabak. Dalam menjawab pertanyaan Oedipus, paderi Delphi itu mengistiharkan bahawa bumi Thebes telah dicemari oleh pembunuh Laius; hanya dengan penyingkirannya (pembunuh itu) sahajalah wabak di Thebes dapat dipulihkan. Oedipus melaknat pembunuh yang tidak dikenali tersebut, dan mengistiharkannya sebagai orang buangan serta memulakan siri penyiasatan. Pada peringkat ini, ia jelas bahawa Oedipus sendirilah punca

pencemaran tersebut, iaitu dia telah membunuh ayahnya serta mengahwini ibunya. Oedipus telah mencungkil biji matanya sebagai hukuman sementara Jocasta mengantung dirinya sendiri dan Creon sekali lagi menjadi pemangku raja. Bila kedua-dua Putera Oedipus dewasa, mereka bergaduh tentang siapa yang akan menjadi raja: akhirnya mereka bersetuju untuk bergilir berselang tahun untuk menduduki takhta, dan bermula dengan Eteocles. Polynieces sebaliknya pergi ke Argos, di mana raja Adrastus, mengahwinkannya (Polynieces) dengan puterinya Argie. Bila Adrastus menyedari bahawa Eteocles tidak akan melepaskan takhta kepada Polynieces menantunya, maka dia mahu mengembalikan kuasa di Thebes kepada Polynieces. Maka, Adrastus mengumpulkan angkatan tentera, yang diketuai oleh tujuh penakluk yang berlawan di tujuh pintu gerbang Thebes menentang tujuh pahlawan terpilih Thebes. Eteocles dan Polynieces juga berlawan antara satu sama lain di pintu gerbang Hypsistai dan membunuh satu sama lain. Bila suasana dapat dipulihkan, Creon sebagai kerabat yang paling rapat naik menjadi raja dan dia terus menitahkan bahawa Eteocles hendaklah dikebumikan dengan penuh penghormatan, sementara mayat Polynieces hendaklah dibiarkan mereput di atas tanah. Pada saat inilah bermulanya cerita Antigone. Sila rujuk Sophocles, *Antigone*, trj., dan komen David Franklin dan John Harrison, Cambridge University Press, Cambridge, 2000, hlm. vii-viii.

⁸ Antigone amat prihatin untuk memberi penghormatan yang sewajarnya kepada saudara lelakinya dan penghormatan itu seperti memandikan atau membersihkan mayat tersebut memakaikan pakaian oleh saudara perempuan dalam keluarganya, dibakar atau dikebumikan dan siraman air dan ratapan rasmi yang dinyanyikan oleh wanita. Meninggalkan mayat tanpa diratapi dan dikebumikan serupa macam bangkai burung atau binatang buruan, dalam rawatannya dan begitulah tuhan-tuhan dunia atau di bumi dengan kehinaan. Lihat *Sophocles*, hlm. 4.

⁹ Ismene cuba untuk memujuk Antigone berfikir secara realistik, dalam konteks sebuah negeri: dia bercakap tentang kota dan warganegara, undang-undang dan juga kuasa raja. Dia juga menerangkan secara terperinci tentang musibah keluarga serta kelemahan orang Perempuan. Meskipun dia mengakui hak si mati, tapi ia juga tunduk kepada kuasa pihak atasan. It kelihatan pandangan Ismene seperti berkait dengan hujah “*Might is Right*” atau “Kekuatan dalah Kebenaran,” atau siapa yang kuat dialah yang berkuasa. Lihat Sophocles, hlm. 6-7.

¹⁰ Lihat D’Entreve, hlm. 3.

¹¹ Ibid. 3

¹² Ibid. 3

¹³ Ibid.

¹⁴ Lihat A. John Simmon, hlm. 14.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Dalam perbincangan ini, bila disebut tugs ia bermaksud *duty* di dalam Bahasa Inggeris. Ini kerana kalau kita rujuk makna *duty* ini di dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka ia membawa maksud kewajipan dan juga maksud tugas. Lihat Kamus Dwibahasa, Bahasa Inggeris – Bahasa Malaysia, 1985; 417. Untuk kepentingan perbincangan ini, penulis menggunakan istilah tugas untuk merujuk kepada *duty* dan kewajipan untuk istilah *obligation*. Kalaupun mahu merujuk *duty* itu sebagai suatu kewajipan, ia mencakup makna yang lebih luas berbanding *obligation*. Kewajipan dari maksud kalimah *duty* membawa maksud kewajipan dari sudut undang-undang, moral dan juga dari segi jawatan yang disandang.

¹⁸ *In rem* adalah bahasa Latin yang bermaksud terhadap sesuatu.

¹⁹ A. John Simmon, hlm. 14.

²⁰ Ibid.

²¹ Lihat Robert Booth Fowler, *Contemporary issues in Political Theory*, Praeger Special Studies, New York, 1995, hlm. 113.

²² Ibid. 114.

²³ Ibid.

- ²⁴ Lihat Bikhu Parekh, "A Misconceived Discourse on Political Obligation," *Political Studies*, XLI, 1993, hlm. 238.
- ²⁵ Ibid.
- ²⁶ Ibid.
- ²⁷ Ibid.
- ²⁸ Ibid.
- ²⁹ Ibid.
- ³⁰ Ibid.
- ³¹ Ibid., hlm. 239.
- ³² Ibid.
- ³³ Ibid., hlm. 244.
- ³⁴ Ibid., hlm. 245.
- ³⁵ Ibid.
- ³⁶ Ibid.
- ³⁷ Ibid.
- ³⁸ Lihat Emile A. Nakhleh, "Bai'ah," dalam John L. Esposito, ed., *The Oxford Encyclopedia of Modern Islamic World*, vol. 1, Oxford University Press, New York, 1995, hlm. 205.
- ³⁹ Lihat Manzooruddin Ahmed, *Islamic Political System in the Modern Age: theory and practice*, Adam Publishers & Distributors, New Delhi, 2006, hlm.182.
- ⁴⁰ Lihat Izutsu Toshihiko, *The Structure of the Ethical Terms in the Koran*, (Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2004), 246. Cf. Manzooruddin, hlm. 201.
- ⁴¹ Lihat Manzooruddin, Ibid., hlm. 202.
- ⁴² Ibid., hlm. 204.
- ⁴³ Lihat John Alden Williams, "Fitnah," dalam John L. Esposito, ed. *The Oxford Encyclopedia of Modern Islamic World*, vol. 2, Oxford University Press, New York, 1995, hlm. 26.
- ⁴⁴ Ibid., hlm. 27.
- ⁴⁵ Lihat Robert Booth Fowler, hlm. 115.
- ⁴⁶ Ibid. hlm. 117.
- ⁴⁷ Ibid.
- ⁴⁸ Ibid.
- ⁴⁹ Ibid.
- ⁵⁰ Ibid. hlm. 118.
- ⁵¹ Ibid.
- ⁵² Ibid.
- ⁵³ Lihat Lesley Jacob, *An Introduction to Modern Political Philosophy*, Prentice Hall, New Jersey, 1997, hlm. 41.
- ⁵⁴ Ibid., hlm. 44.
- ⁵⁵ David Hume dilahirkan di Edinburgh pada tahun 1711 dan meninggal pada tahun 1776. Dia menerbitkan *A Treatise of Human Nature*, dan telah masih dikira sebagai karya utama falsafah British dalam tahun 1739-40. Menurut Hume kewajipan bukanlah dihasilkan melalui persetujuan; sebaliknya diasaskan melalui utility. Dia mengatakan bahawa utility adalah jawapan kepada kuasa Kerajaan. Manusia menerimanya bahawa mereka bertanggung jawab untuk mamatuhi Kerajaan kerana mereka menyedari bahawa ia adalah kepentingan jangka Panjang mereka untuk berbuat demikian. Walaupun begitu, mereka tidak bergantung sepenuhnya kepada utiliti untuk mewajarkan atau menjelaskan kewajipan. Utiliti, hujahnya, adalah motif asal dan asas kepada kewajipan, walau bagaimanapun ia adalah peredaran masa yang merefleksi dengan jelas berkurangnya faedah Kerajaan. Kuasa diterima kerana kebiasaan. Lihat Peter M. R. Stirk dan David Weigall, *An Introduction to Political Ideas*, Pinter, London, 1995, hlm. 42.

⁵⁶ Ibid.

⁵⁷ Ibid., 45.

⁵⁸ Ibid.

⁵⁹ Lihat George Klosko, "Multiple Principles of Political Obligation," *Political Theory*, vol. 32, no. 6, 2004, hlm. 804.

⁶⁰ Lihat A. John Simmons, *Moral Principles and Political Obligations*, Princeton University Press, Princeton, 1979, hlm. 101.

⁶¹ Ibid., hlm. 115.

⁶² Ibid.

⁶³ Ibid., hlm. 116.

⁶⁴ Ibid., hlm. 117.

⁶⁵ Khilafah ada suatu sistem pemerintahan dalam Islam yang mana individu yang menjawat jawatan dalam sistem ini dipanggil khalifah. Khalifah ini adalah pengganti kepada Nabi dalam pentadiran negara dan bukan pengganti sebagai utusan Tuhan.

⁶⁶ Lihat Manzooruddin Ahmad, *Islamic political System in the Modern Age: theory and practice*, Adam Publishers and Distributors, New Delhi, 2006, hlm. 197.

⁶⁷ Ibid., hlm. 97-8.

⁶⁸ Ibid., hlm. 199

⁶⁹ Ibid.

⁷⁰ Penggunaan khalifah dan imam adalah silih berganti, namun kedua-duanya memberi makna yang sama dalam penulisan para sarjana Islam.

⁷¹ Dalam era al-Ghazali, imam (al-Mustazhir) belum lagi mencapai tahap *mujtahid*, yang merupakan syarat untuk menjadi khalifah, oleh itu al-Ghazali menggunakan ulamak untuk mengisi syarat tersebut, sementara dalam kes atau peranan sultan pula, ia digunakan al-Ghazali untuk memenuhi syarat *shawkah* (kuasa tentera), yang mana ia sangat penting untuk melaksanakan syariah. Itulah sebabnya institusi khilafah yang diformulakannya dibentuk oleh tiga unsur, sesuatu yang belum lagi berlaku sebelum zamannya.

⁷² Istilah *asabiah* diambil dari kata akar '*asab*' (mengikat) dan '*asabah*' (kesatuan) '*asabiah*,' pula merujuk kepada sosiobudaya yang boleh digunakan untuk mengukur kekuatan perkumpulan sosial. Ia adalah istilah biasa pada zaman sebelum Islam dan menjadi konsep yang popular bila Ibn Khaldun (1332-1406) menggunakannya dalam bukunya *Muqaddimah*. '*Asabiah*' oleh itu difahami sebagai perpaduan sosial yang menekankan kepada kesedaran Kumpulan, kesepaduan dan perpaduan. Lihat John L. Esposito, Ed., *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*, vol. 1, Oxford University Press, New York, 1995, hlm.140.

Rujukan

A. John Simmon. 1979. *Moral Principles and Political Obligation*. New Jersey: Princeton University Press.

Bikhu Parekh. 1993. "A Misconceived Discourse on Political Obligation," *Political Studies*, XLI: 237-239.

D'Entreve. A. P. 1968. "On the Nature of Political Obligation," *Philosophy* vol. XLII, no. 66: 309-323.

D'Entreve. A. P. 1994. *Stanford Encyclopedia of Philosophy*. New York: Routledge.

Emile A. Nakhleh. 1995. "Bai'ah," in *The Oxford Encyclopedia of Modern Islamic World, Vol. 1*. Edited by John L. Esposito, 205. New York: Oxford University Press.

George Klosko. 2004. "Multiple Principles of Political Obligation," *Political Theory* vol 32, no. 6: 801-824.

Izutsu Toshihiko. 2004. *The Structure of the Ethical Terms in the Koran*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.

John Alden Williams. 1995. "Fitnah," in *The Oxford Encyclopedia of Modern Islamic World, Vol. 1*. Edited by John L. Esposito, 26. New York: Oxford University Press.

Russli Kamarudin

- Kamus Dwi Bahasa, Bahasa Inggeris – Bahasa Malaysia. 1985. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lesley Jacob. 1997. *An Introduction to Modern Political Philosophy*. New Jersey: Prentice Hall.
- Manzooruddin Ahmed. 2006. *Islamic Political System in the Modern Age: theory and Practice*. New Delhi: Adam Publishers & Distributors.
- Paul Harris. 1990. *On Political Obligation*. New York: Routledge.
- Peter M. R. Strik and David Weigall. 1995. *An Introduction to Political Ideas*. London: Pinter.
- Robert Booth Fowler. 1995. *Contemporary Issues in Political Theory*. New York: Praeger Special Studies.
- Sophocles. 2003. *Antigone*. Trs. Cambridge: Cambridge University Press.
- T. H. Green. 1984. *Lectures on the Principles of Political Obligation*. Cambridge: Cambridge University Press.